

09 MAR 1997

PERUNTUKAN YANG MENCUKUPI BAGI PENYENGGARAAN POKOK

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan mesti diberikan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi penyenggaraan pokok sejajar dengan hasrat "Malaysia hijau".

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Datuk Lee Lam Thye berkata pemilihan pokok yang sesuai adalah juga penting supaya ia tidak merosakkan persekitaran.

"Sementara kita perlu pokok ditanam untuk untuk "menghijaukan negara" kita juga harus memberikan perhatian yang serius kepada penyenggaraan pokok tersebut," kata beliau dalam satu kenyataan.

Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan kempen menanam pokok kebangsaan minggu lepas.

Lee juga mencadangkan semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mewajibkan mereka yang terlibat dalam projek pembangunan mendapatkan kelulusan sebelum menebang pokok yang berada dalam projek mereka.

Beliau menyatakan sebagai tambahan kepada projek perumahan, tarikan pelancong dan pembinaan lebuhraya, langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan pelaksanaan bagi pembangunan taman perusahaan dan komersil. --

BERNAMA

MAM RI